

Dua penerima bantuan LBKM suntik inspirasi kepada masyarakat



CIK FARAH ABDUL MALIK: Hadapi pelbagai masalah dan cabaran sebelum berjaya dalam pengajian. – Foto ihsan HONG HUAZHENG



ENCIK MOHAMED ISKANDAR: Sebagai pelajar sambilan, beliau perlu imbangi kerja, pengajian dan keluarga. – Foto LBKM

DENGAN moto 'Dana diagih, Kecemerlangan diraih', Lembaga Basiswa Kenangan Maulud (LBKM) menjalankan misi membantu pelajar dari segi kewangan bagi merealisasikan potensi pendidikan secara maksimum.

Keberkesanan bantuan LBKM ini dapat digambarkan menerusi kejayaan dua mahasiswa – Cik Farah Abdul Malik dan Encik Mohamed Iskandar Sapi.

Kisah Cik Farah, penerima dermasiswa LBKM, sangat memberi inspirasi kepada masyarakat, di mana beliau salah seorang pelajar yang bercita-cita tinggi.

Namun kesempitan kewangan menyebabkan Cik Farah dan keluarganya terpaksa menghadapi beberapa cabaran serta dugaan.

Akibat kegagalan perniagaan ibu dan keadaan ayahnya yang juga tidak bekerja, rumah mereka perlu dijual ketika beliau masih di menengah dua.

Beliau dan keluarganya terpaksa berpindah dan menumpang di rumah ibu saudaranya selama empat tahun berturut-turut.

Oleh itu, agak sukar bagi Cik Farah mencari ruang belajar yang kondusif dalam rumah bagi mengulang kaji pelajarannya untuk pe-

riiksaan GCE peringkat 'O' dan 'A'.

Bukan sahaja tidak mampu untuk memasuki pusat tuisyen malah beliau juga tidak mampu membeli buku latihan serta buku teks.

"Hampir setiap hari, saya akan ke perpustakaan selepas habis sekolah membuat segala persediaan bagi peperiksaan," jelas beliau.

Namun, kegigihannya itu berbaloi apabila beliau berjaya menamatkan pengajian lulus dengan kepujian bagi ijazah Sarjana Muda Psikologi dan Pemasaran dari Universiti Pengurusan Singapura (SMU) pada 2018.

"Selain bantuan kewangan, LBKM juga menyediakan pelbagai platform dan peluang untuk saya kembangkan diri. Saya juga diundang menyertai Program Duta Beliau," katanya lagi.

Sehingga kini, Cik Farah masih mengambil bahagian dalam inisiatif LBKM yang bertujuan untuk mengumpul maklum balas daripada beliau agar LBKM dapat membantu masyarakat dengan lebih jauh.

Pada 2014, Cik Farah dan abangnya menubuhkan sebuah syarikat sosial untuk membantu orang lain yang berdepan dengan situasi yang sama dengan mereka.

Mereka telah mengumpulkan kenalan mereka dari universiti tempatan untuk merekrut 300 mahasiswa yang sanggup membimbing pelajar sekolah rendah dan menengah dengan mengenakan bayaran rendah.

Cik Farah berkata: "Penerimaan satu dermasiswa boleh mengubah perjalanan kehidupan seseorang kerana ia membuatkan anda berasa seperti masyarakat menyokong usaha pendidikan anda dan ia memberi inspirasi kepada anda untuk menyumbang kembali pada masa hadapan."

Pengorbanan Encik Mohamed Iskandar, 44 tahun, ayah dua orang anak pula boleh dijadikan teladan kepada masyarakat.

Anak perempuan penerima Anugerah Emas LBKM ini sedang mengikuti pengajian di Politeknik manakala anak lelakinya masih di menengah tiga.

"Alhamdulillah, saya telah menyelesaikan ijazah Sarjana Muda dalam Bahasa dan Kesusasteraan Melayu di Universiti Sains Sosial Singapura (SUSS).

"Keseluruhan perjalanan mengambil masa empat tahun. Sebagai seorang pelajar sambilan di universiti, saya perlu mengimbangi kerja, pengajian dan keluarga.

"Pasti sukar tetapi tidak mustahil. Kejayaan ini adalah hasil gabungan sokongan, kegigihan dan kepercayaan yang ada," jelas Encik Mohamed Iskandar.

Beliau sangat bersyukur dengan kehadiran ahli keluarga dan kawan-kawan yang sangat memainkan peranan dalam membantunya untuk meneruskan pengajian.

Secara mental, beliau bersedia menghadapi masalah dan kegagalan. Sikap positif telah berjaya memberikannya semangat untuk kekal berjuang.

Beliau turut berpesan agar apabila berjaya, hendaklah kita sentiasa mengingati orang-orang yang menyumbang kepada kejayaan kita.

Dalam masa yang sama, kedua-dua penerima anugerah LBKM ini sangat berterima kasih dan bersyukur atas bantuan dan sokongan yang telah mereka terima.

Dengan bantuan yang diperolehi, mereka telah berjaya menggunakannya menjadi seseorang yang lebih berjaya dan menyumbang kembali kepada kemajuan masyarakat.